

NAMA: _____ KELAS: _____

KATA TANYA, KATA SERU DAN KATA PERINTAH.

Latihan Kata Tanya

Isi tempat kosong dengan kata tanya yang sesuai mengikut konteks.

siapa	mana	apa
bila	mengapa	bagaimana

1. _____ kah yang sedang kamu fikirkan?
2. _____ kah murid-murid perlu mematuhi pesanan guru?
3. Di _____ kah mereka menyembunyikan harta karun itu?
4. _____ kah yang merasmikan karnival kesihatan itu?
5. _____ kah jambatan gantung itu akan dibuka kepada orang ramai?
6. _____ kah kita hendak melepaskan diri daripada penjahat itu?

Latihan Kata Seru

Isi tempat kosong dengan kata seru yang sesuai mengikut konteks.

syabas	cis	wah
oh	aduh	nah

1. _____, canggihnya kereta baharu kamu ini!
2. _____, kamulah yang menconteng dinding ini selama ini!
3. _____, sakitnya kaki saya ini!
4. _____, kamu telah terpilih untuk mewakili negeri dalam pertandingan pidato!
5. _____, berani engkau mempermainkan perasaan adikku!
6. _____, terimalah jambangan bunga daripada saya!

Latihan Kata Perintah

1. Masukkan kata perintah ke dalam kotak mengikut jenis yang betul.

tolong	harap	jemput	silalah
jangan	usah	minta	ayuh

JENIS LARANGAN	JENIS SILAAN	JENIS PERMINTAAN

Latihan Kata Perintah

2. Lengkapkan ayat dengan kata perintah yang betul.

- _____ bermain dengan suis lampu itu.
- _____ lah makan hidangan ini.
- _____ berikan surat ini kepada ibu kamu.
- _____ lah bersedih lagi, duhai kawanku.
- Saya _____ kamu akan datang lagi ke sini.
- _____ beratur semasa membeli makanan di kantin.
- “ _____ tuan-tuan bersabar sebentar”.
- _____ kita bergerak ke sana sekarang.